



# KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

**NAMA KURSUS : SEJARAH SENI DAN SENIBINA**  
**KOD KURSUS : DRD1043**  
**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2022**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

## **ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
  2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
    - i. Kertas Soalan
    - ii. Kertas Jawapan Objektif
    - iii. Buku Jawapan


JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 14 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

**BAHAGIAN A**


Bahagian ini mengandungi DUA PULUH (20) soalan.  
Jawab semua soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah fungsi utama senibina *Stonehenge*?
  - A Menentukan sistem perkiraan masa.
  - B Memudahkan sistem perairan sungai.
  - C Memudahkan aktiviti bercucuk tanam.
  - D Menentukan arah matahari dan bulan.
  
2. Piramid merupakan senibina terkenal pada tamadun Mesir Purba dan merupakan simbolik bagi
  - i. Penyembahan masyarakat mesir.
  - ii. Tangga gergasi menuju ke syurga.
  - iii. Penjaga kawasan tempat pembinaannya.
  - iv. Kebesaran Firaun sebagai tuhan yang berkuasa.  
  - A i, ii
  - B i, iii
  - C ii, iv
  - D i,ii,iii
  
3. Tamadun Greek terbahagi kepada dua era iaitu
  - A *Caeserian* dan *Julius*
  - B Republik dan Empayar
  - C *Hellenic* dan *Hellenistic*
  - D *Minoan* dan *Mycenaeans*
  
4. Mengapa senibina Greek banyak bersifat terbuka dan aktivitinya banyak dilakukan diluar?
  - A Bahan binaan tamadun Greek sukar untuk diperolehi bagi pembinaan.
  - B Geografi tamadun Greek yang berada dikepulauan dan persisiran pantai.
  - C Kepercayaan kuno Greek yang mempercayai roh hidup selepas kematian.
  - D Tamadun Greek terkenal dengan aktiviti-aktiviti perdagangan antarabangsa.




Gambarajah A

5. Kubah (*vault*) X dikenali sebagai
- A *Fan vault*
  - B *A rib vault*
  - C *Groin vault*
  - D *Barrel vault*
6. Kubah (*vault*) Y popular digunakan pada era
- A *Gothic*
  - B *Rococco*
  - C *Renaissance*
  - D Awal Kristian
7. Gaya *Art Nouveau* juga dikenali dengan nama
- A *Hi-Tech*
  - B *Jugendstil*
  - C *Constructivist*
  - D *Expressionism*



Gambarajah B

8. Siapakah pelukis terkenal bagi potret yang berjudul *The Last Supper* dalam gambarajah B?
- A Michellangelo
  - B Iakov Chernikhov
  - C Leonardo Da Vinci
  - D Donatto di Niccolò



Carta 1


9. Berdasarkan Carta 1, gaya reka bentuk Z ialah
- A *De Stijl*
  - B *The Bauhaus*
  - C Revolusi Industri
  - D *Arts and Crafts Movement*

10. Berikut merupakan ciri-ciri gaya Revolusi Industri
- Bangunan dibina tinggi dan langsing.
  - Rekaan kompleks menggunakan rangka besi.
  - Perkembangan dalam penggunaan *plate glass*.
  - Penggunaan konkrit sebagai bahan binaan struktur jambatan.
- A i, ii  
B i, iii  
C ii,iv  
D i,ii,iii
11. Manakah antara berikut mempamerkan identiti *Expressionist Architecture*?
- A *Straight* (lurus)  
B *Organic* (Organik)  
C *Distorted* (terherot)  
D *Diagonal* (menyerong)
12. Simbol tukul dan sabit merupakan unsur-unsur yang digunakan dalam senibina berikut
- A *Art Deco*  
B *Modernism*  
C *Constructivism*  
D *Expressionism*
13. Robert Venturi dan Michael Graves merupakan arkitek dan pereka bagi gaya senibina
- A *Modernism*  
B *Bauhaus Style*  
C *Memphis Group*  
D *Post Modernism*



Gambarajah C

14. Nama bangunan dalam gambarajah C ialah
- A Casa Batllo
  - B The Red House
  - C Sagrada Familia
  - D Louis Henri Sullivan
15. Arkitek ini memperkenalkan terma “Less is Bore” sebagai tentangan kepada senibina *International Style* yang bersifat *formalism*
- A Le Corbusier
  - B Robert Venturi
  - C Mies Van De Rohe
  - D Frank Layord Wright




Gambarajah D

16. Namakan kerusi dalam gambarajah D.

- A *Bruno chair*
- B *Wassily Chair*
- C *Red and Blue Chair*
- D *The Barcelona Chair*

17. Siapakah yang merekabentuk kerusi dalam gambarajah D?

- A Marcel Breue
- B Gerrit Rietveld
- C Mies van der Rohe
- D Ludwig Mies van der Rohe



Gambarajah E

18. Gambarajah di atas menggambarkan gaya reka bentuk


- A Senibina *Hi-Tech*
- B Senibina *Art Deco*
- C Senibina *Deconstruction*
- D Senibina Revolusi Industri

19. Ciri-ciri senibina *Postmodern* ialah


- i. Menyanggah nilai perincian asli.
  - ii. Menjauhi warna *neutral* dan putih.
  - iii. Penggunaan bahan bermutu tinggi dan mesra alam.
  - iv. Struktur rangka yang terdedah dari bahan bermutu tinggi.
- A i, ii
  - B i, iii
  - C ii, iv
  - D i, ii, iii

20. Berikut merupakan hasil seni grafik pada era *Constructivism*


i




ii



iii



iv



- A i, ii
- B i, iii
- C i,ii,iii
- D i,ii,iv

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Berikan definisi senibina.

(2 markah)

- b. Jelaskan dua (2) kepentingan binaan Stonehenge pada zaman *Neolitik*.

(4 markah)

- c. *Mud Brick* merupakan salah satu bahan yang digunakan dalam senibina Mesir Purba. Huraikan cara pembuatan *mud brick*.

(4 markah)

**SOALAN 2**

- a. Senibina *International Style* banyak dilihat pada bangunan pencakar langit sekitar tahun 1920-1960. Berikan empat (4) ciri khas bagi bangunan pencakar langit yang menggunakan *International Style* sebagai konsep reka bentuk.

(4 markah)

- b. Nyatakan dua (2) prinsip dan pengaruh gaya *International Style*.

(2 markah)

- c. Berikan definisi *Deconstructivism*.

(2 markah)

- d. Berikan dua (2) contoh senibina *Deconstructivism*.

(2 markah)

## SOALAN 3



Gambarajah F

- a. Berikan nama pelukis terkenal dan era seni dalam gambarajah F.  
(2 markah)
- b. Berikan maksud perkataan *Baroque* secara literal.  
(2 markah)
- c. Terangkan tiga (3) perbezaan seni atau senibina *Baroque* dan *Rococo*.

<i>Baroque</i>	<i>Rococo</i>

(6 markah)

**SOALAN 4**

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan Revolusi Industri?  
(2 markah)
- b. Senaraikan empat (4) faktor yang menyumbang kepada Revolusi Industri.  
(4 markah)
- c. Huraikan dua (2) perbezaan sebelum dan selepas Revolusi Industri kepada masyarakat global.  
(4 Markah)

**SOALAN 5**

- *Judgenstil*
- *Noodle Style*

**Gambarajah G**

- a. Nyatakan gaya seni dan arkitek terkenal gambarajah G.  
(2 markah)
- b. Berdasarkan gambarajah G, terangkan dua (2) daripada tiga faktor yang mempengaruhi gaya seni di atas.  
(4 markah)
- c. Nyatakan empat (4) ciri-ciri gaya gambarajah G.  
(4 markah)

**[50 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**


Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

Tulis jawapan anda pada buku jawapan.



**SOALAN 1**

Berdasarkan gambar objek yang diberikan di bawah, lakarkan rupa bentuk *Deconstruction* objek tersebut berdasarkan hasil idea anda sendiri.

Contoh Jawapan:




Bentuk Asal A




Deconstruction A


i.




ii.




iii.



iv.



v.



(15 markah)

**SOALAN 2**

*Art Nouveau* merupakan gaya seni yang bermula daripada abad ke-18 hingga abad ke-19. Gaya seni ini terkenal dengan liuk-liuknya. Berdasarkan kreativiti anda, lakarkan satu rekaan setiap kategori di bawah dengan mengaplikasikan ciri-ciri gaya seni *Art Nouveau*.

- i. Senibina/Bangunan (5 markah)
- ii. Perabot (5 markah)
- iii. Corak / Lukisan (5 markah)

**SOALAN 3**

Senibina tamadun awal menyaksikan ciptaan dan inovasi struktur serta bahan binaan yang terus digunakan sehingga kini. Lakarkan struktur-struktur berikut:

- a. *Pediment*
  - b. *Pilaster*
  - c. *Corinthian Column*
  - d. *Barrel vault*
  - e. *Rib Vault*
- (15 markah)

**[30 MARKAH]****KERTAS SOALAN TAMAT**